

20 JUN 2003

Mahathir-Jenayah/I

DR MAHATHIR KESAL KEMEROSOTAN NILAI MORAL

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata peningkatan kadar jenayah di Malaysia dan juga seluruh dunia mungkin disebabkan keruntuhan nilai-nilai moral.

Perdana Menteri berkata dewasa ini, ibu bapa gagal mengawal anak-anak mereka atau mengajar nilai-nilai baik dan ini menyumbang kepada penglibatan anak-anak mereka dalam kancah jenayah.

Bercakap pada sidang media di akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Presiden Umno itu berkata masalah itu ditambah pula dengan berleluasanya bahan lucah dan filem-filem ganas yang mudah diakses oleh remaja.

"Malah buku-buku tulisan penulis terkenal juga mesti diselitkan sedikit sebanyak dengan unsur seks dan keganasan. Saya berpendapat pemikiran mereka ini sudah bankrap," katanya terhadap soalan mengenai perkara itu.

Beliau berkata novel-novel biasanya berunsur pendidikan dan menghiburkan tetapi dewasa ini, ia nampaknya tidak dapat lari daripada menggambarkan aksi-aksi seks dan ganas.

Beliau berkata berjuta-juta video lucah diedarkan di seluruh dunia dan juga boleh dimuat turun menerusi internet.

Dr Mahathir juga menyebut mengenai filem ganas seperti "Terminator" yang memaparkan aksi pembunuhan seolah-olah ia satu perkara biasa.

Beliau berkata peningkatan kadar jenayah dan perkara lain yang bersangkutan mungkin akan disentuh pada sesi perbahasan usul agama, esok.

Dr Mahathir juga ditanya bagaimana Umno akan menangani tindakan parti-parti politik yang menyalahgunakan agama pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita perlu betulkan kekeliruan yang disebabkan oleh PAS melalui kempennya," katanya, sambil memberikan contoh bagaimana pemimpin PAS sanggup menyatakan Tuhan mencarut dan samseng.

Dr Mahathir berkata Perdana Menteri Turki Recep Tayyip Erdogan ketika berkunjung ke Malaysia minggu lepas, memberitahunya bahawa partinya (Erdogan) tidak menggunakan perkataan Islam kerana khuatir Islam akan dipersalahkan sekiranya parti membuat kesilapan.

-- BERNAMA

ERE MAM KHY MOZ